

HEBAHAN: PELAWAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) SESI PENGAJIAN 2017/2018

Unit Komunikasi Korporat

Sent: Wednesday, 22 February, 2017 12:42:01 PM

To: KPM

Attachments: BIASISWA BYDPA.pdf (4 MB)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAWAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) SESI PENGAJIAN 2017/2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM telah menerima pelawaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** memohon **Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2017/2018** bagi mengikuti **pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah** di dalam dan di luar negara dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam.

3. Pegawai yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan biasiswa tersebut tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing serta memenuhi semua syarat/dasar permohonan yang ditetapkan oleh JPA. Borang permohonan BYDPA perlu diisi secara dalam talian di portal JPA www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai 8 Februari 2017 sehingga 3 Mac 2017.

4. Bersama-sama ini disertakan salinan surat pelawaan JPA(I)S.175/4/4-18/1Klt.9(7) bertarikh 7 Februari 2017. Hanya **permohonan yang lengkap akan diproses**. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dimuat turun dan dicetak dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang JPA(L)LDP 1B/96 (Pin. 1/2003);
- ii. Kertas Cadangan Pengajian (*Research Proposal*) dalam Bahasa Malaysia untuk pengajian dalam negara atau Bahasa Inggeris bagi pengajian di luar negara;
- iii. Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip); dan
- iv. Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip).

5. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **28 Februari 2017 (Selasa) jam 5.00 petang** kepada:

Pegawai Perkhidmatan Bukan Guru

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan

Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
u.p.: Puan Paridah binti Ali, Tel: 03-88847947, Faks: 03-88847925
Emel: paridah.ali@moe.gov.my
u.p.: Encik Danial Abdillah bin Suhaimi, Tel: 03-88847943, Faks: 0388847925
Emel: danial.suhaimi@moe.gov.my

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Sektor Peningkatan Keilmuan
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
u.p.: Puan Azzarina binti Anor Bashah, Tel: 03-88841091, Faks: 03-88841081
Emel: azzarina@moe.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Urus Setia,
Unit Latihan Dalam Perkhidmatan,
Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 4, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.